

Hari Kanak-Kanak dan Hari Guru 2018 PML disambut meriah

UB 3.11.2018 A3

KOTAKINABALU: Seramai 300 murid dan ibu bapa Tadika Pusat Minda Lestari (PML) Universiti Malaysia Sabah (UMS) memeriahkan Sambutan Hari Kanak-Kanak dan Hari Guru 2018, baru-baru ini.

Pengarah PML UMS, Aidah Noordin berkata, penganjuran program itu antara lain bertujuan memupuk semangat ukhuwah dan kerjasama antara guru dan ibu bapa demi kecemerlangan dan kegemilangan potensi akademik dan sahsiah anak-anak.

"Dalam masa sama, selitan acara permainan tradisional yang dimainkan dengan tawa riang dan senda gurau dilihat mengukuhkan lagi kemesraan semua hadirin selain dilihat mampu memberi pengetahuan kepada kanak-kanak tentang permainan-permainan kegemaran zaman dahulu iaitu sebelum kepesatan perkembangan teknologi digital melanda negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada program tersebut di Dewan Sukan,

PML UMS.

Menurut Aidah, pelbagai permainan tradisional yang biasa dimainkan kanak-kanak pada zaman dahulu telah disediakan untuk dimainkan bersama oleh murid-murid PML, para guru dan ibu bapa yang hadir.

"Antaranya ialah permainan teng-teng, congkak, baling selipar, sepak bulu tangkis, kad tapak, boling buah kelapa, permainan terompah tempurung selain pertandingan menghias wau," jelasnya.

Acara itu turut dimeriahkan lagi apabila hampir kesemua yang hadir mengenakan pakaian mengikut tema yang ditetapkan iaitu 'Nostalgia 70-an'.

Hadir sama pada sambutan itu ialah Ketua Program Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) UMS Dr. Connie Chin @ Connie Cassy Ompok, Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) PML Hassan Aris dan Penolong Pendaftar PML merangkap Pengurus Program Faddili Kasin.



PARA guru-guru dan murid-murid PML merakamkan gambar kenangan.